

Apa itu charlie??



PENYAKIT KULIT KUMBANG ROVE



Nama Am : Kumbang Rove

Nama Saintifik : *Paederous Dermatitis*

Nama Setempat : Semut Semai, Semut Kayap, Charlie dan lain-lain

CIRI-CIRI KUMBANG ROVE :

- Saiz kurang daripada 1 cm panjang. Boleh terbang dan berlari pantas di atas air.
- Kumbang ini kelihatan seperti kala jengking tetapi lebih kecil dan panjang serta mempunyai warna merah berbelang hitam.
- Kelihatan merangkak dengan pantas di kawasan sekeliling dengan menyembunyikan sayapnya.



HABITAT DAN TABIAT PEMAKANAN :

- Sawah padi, padang sekolah, bukit dan hutan.
- Ia merupakan serangga karnivor dan memakan lain-lain serangga yang lebih kecil.

APA YANG ANDA PERLU TAHU?

- Kumbang ini tidak menyegat atau gigit. Cecair hemolimf yang terdapat di dalam badan (kecuali sayap) kumbang ini mengandungi toksin sentuh haiwan yang paling berbisa di dunia.
- Toksin ini dikenali sebagai 'paederin' (C24 H43 O9 N) dinamakan dalam tahun 1953.
- Kumbang rove yang telah dikeringkan dan disimpan selama 8 tahun masih lagi mempunyai ketoksinnanya.
- Persentuhan dengan kumbang ini semasa bergerak atau tidur, menghancurkannya pada badan atau mengosok dengan jari

yang kotor akan menyebabkan konjunktivitis dan penyakit kulit yang teruk.

- Kumbang rove/ 'Paederous dermatitis' sering dikelirukan dengan kayap (*shingles/herpes zoster*) kerana rupanya yang agak sama. Namun taburan ruamnya tidak mengikut aliran hujung saraf seperti kayap, dan kes-kes 'Paederous dermatitis' ini datang dalam kumpulan dan bukan berasingan.



Apa itu charlie??



PENYAKIT KULIT KUMBANG ROVE



KESAN

- Jika terkena cairan tersebut, kemungkinan akan terjadinya ruam, herpes merah dan tengahnya bernanah dengan diameter 2 cm.
- Pada hari pertama, bintik-bintik tersebut terasa panas yang kemudiannya menjadi gatal dan hanya timbul dengan jelas pada keesokan harinya.
- Pada hari kedua, timbul luka pada bahagian tengah bintik-bintik merah tersebut dan itu adalah bahagian yang paling banyak terkena toksin 'paederin'.

CARA MENGHINDARI

- Tutup atau kurangkan penggunaan lampu kerana kumbang ini amat tertarik kepada cahaya pada waktu malam.
- Gunakan jaringan nyamuk yang halus, semburan aerosol serangga, perangkap berpelekat dan sebagainya.
- Jangan memukul kumbang yang terdapat pada badan, cuma hembus/ tiup untuk menghindarinya.

JIKA RUAM TERJADI SELEPAS ANDA TERSENTUH KUMBANG INI

- Segera cuci bahagian yang terlibat dengan sabun dan air
- Lebih baik ruam tersebut tidak terdedah terus kepada cahaya matahari kerana boleh menyebabkan parut hitam.
- Sebarang bahan antiseptik dicampur dengan krim steroid dengan kekuatan rendah memadai dalam kebanyakan kes.

PERHATIAN!!

- ✓ Melalui data kes yang di laporkan, didapati dari bulan **Julai hingga Oktober** adalah bulan-bulan yang paling aktif dan September menunjukkan kejadian yang paling tinggi setiap tahun.

